

08/09/1998

Penubuhan Gerakan Reformasi sia-sia

KUALA LUMPUR, Isnin - Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan menyifatkan tindakan empat pertubuhan Islam yang membentuk badan yang mereka namakan sebagai `Gerakan Reformasi' bagi membangkitkan kesedaran umum mengenai ketidakadilan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim, sebagai kerja sia-sia.

Pengerusinya, Datuk Suleiman Mohamed, berkata sebagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mereka tidak seharusnya mencampuri urusan politik negara, lebih-lebih lagi tindakan yang boleh menggugat keamanan dan ketenteraman awam.

"Mereka membuang masa saja. Janganlah campur hal ehwal politik. Kalau nak buat reformasi, kita sudah lama buat," katanya di pejabatnya di sini, hari ini.

Semalam, empat pertubuhan Islam membentuk apa yang mereka namakan `Gerakan Reformasi', bertujuan membangkitkan kesedaran umum mengenai `ketidakadilan' terhadap Anwar.

Gerakan yang diketuai Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) itu, disertai Jemaah Islah Malaysia (JIM), Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) dan Akademi Sains Islam Malaysia (Asasi).

Suleiman yang juga Timbalan Menteri Penerangan berkata, Umno Wilayah Persekutuan sedang meneliti perkembangan berkaitan pelucutan jawatan bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

"Saya ingin menegaskan Umno Wilayah Persekutuan yang mempunyai keanggotaan lebih 100,000 ahli, sedang memantau setiap perkembangan yang berlaku.

"Kita tidak akan teragak-agak bertindak jika usaha menjatuhkan kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad masih diteruskan oleh golongan tidak bertanggungjawab.

"Kesabaran kita juga ada batasan dan jangan paksa kita bertindak. Kita tak boleh menduga apa tindakan balas ahli jika mereka (penyokong Anwar) terus-terusan menggugat kepemimpinan Dr Mahathir," katanya.

Menurut Suleiman, semua bahagian Umno Wilayah Persekutuan kini padu menyokong kepemimpinan Perdana Menteri.

Sebagai contoh, katanya, pada malam pelucutan jawatan Anwar, semua ketua bahagian berkumpul di rumah Datuk Seri Najib Tun Razak dan Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

"Pemuda yang berkumpul di rumah Hishammuddin dan orang bahagian serta Wanita di rumah Najib malam itu semua bersiap sedia menunggu arahan untuk mempertahankan Dr Mahathir.

"Kita juga malam itu bersiap kalau-kalau penyokong Anwar menyerang Seri Perdana, kita akan ke sana," katanya.

(END)